

14 SEP 1997

Dadah-Pencegahan (Laporan Khas)

PIHAK SWASTA DIGESA WUJUDKAN TEMPAT KERJA BEBAS DARIPADA DADAH

Oleh: Wan Nurliza Rahman

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Sektor swasta digesa menjalankan program khas bagi mewujudkan tempat kerja yang bebas daripada gejala dadah memandangkan berlakunya kemalangan dan kematian di tempat kerja kerana dadah.

Syarikat-syarikat digalakkan mempertingkatkan aktiviti pencegahan dan program pemulihan untuk para pekerja khususnya syarikat yang mempunyai bekas penagih sebagai pekerjanya.

Kajian menunjukkan penyalahgunaan dadah di tempat kerja bertanggungjawab terhadap 20 hingga 25 peratus daripada kemalangan di tempat kerja yang melibatkan kecederaan pada diri dan rakan sekerja manakala 15 hingga 30 peratus daripada kes kematian di tempat kerja mempunyai kaitan dengan penggunaan dadah dan alkohol.

Para pekerja yang menagih dadah atau alkohol didapati membuat tiga kali lebih banyak tuntutan faedah perubatan dan mengemukakan lima kali lebih banyak tuntutan pampasan pekerjaan berbanding dengan pekerja bukan penagih. Kadar tidak hadir bekerja oleh pekerja yang menagih dadah dan alkohol juga tiga dua atau tiga kali lebih tinggi daripada rakan sekerja mereka yang tidak menagih.

Syarikat-syarikat di seluruh dunia yang menjalankan langkah-langkah pencegahan bagi mengatasi masalah itu menunjukkan peningkatan daripada segi tahap kesihatan pekerja mereka, daya pengeluaran, mutu dan keuntungan.

Sehubungan itu, Malaysia, menerusi Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia (PEMADAM) telah melancarkan beberapa program untuk mengatasi masalah itu termasuk memperkenalkan Program Sinar Harapan pada 1994.

Di bawah program itu, bekas penagih diberikan peluang untuk diambil sebagai pekerja separuh mahir dalam bidang pengeluaran dengan syarikat-syarikat di seluruh negara.

Pengarah Sumber Manusia Harris Advanced Technology (M) Sdn Bhd Ahmad Fuad Mohd Amin berkata, "keutamaan diberikan kepada lepasan pusat serenti dan para penagih yang berpotensi untuk pulih sepenuhnya."

Beliau berkata, ia mendapat sambutan baik berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diterima oleh sektor swasta selepas program itu dilancarkan oleh PEMADAM.

"Harris ialah antara syarikat yang bersedia membantu bekas penagih khususnya untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Syarikat kami juga mempunyai sebuah jawatankuasa keselamatan dan kesihatan bagi mengendalikan masalah itu di kalangan pekerja kami," kata beliau lagi.

Harris Advanced Technology (M) ialah antara syarikat yang mempunyai kemudahan mengeluarkan dan menguji semikonduktor terbesar di Malaysia.

Beliau berkata setiap daripada 4,300 pekerja syarikat itu, 77 peratus daripadanya wanita, diwajibkan menjalani ujian air kencing dan pemeriksaan dari semasa ke semasa di klinik syarikat itu.

"Kami mewujudkan program rekreasi dan kesihatan untuk pekerja kami seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Pasukan Bomba Bantuan dan kegiatan sukan. Kami juga bercadang mendaftarkan kelab rekreasi kami dengan Program Rakan Muda," kata beliau.

Beliau berkata sungguhpun gejala itu jarang berlaku di kalangan pekerja Harris, syarikat itu telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan bekerjasama dengan PEMADAM dan Jabatan Polis bagi mendapatkan nasihat untuk menangani masalah itu.

Menurut Ahmad Fuad, syarikat itu pernah mengambil 20 orang penagih yang

berpotensi untuk dipulihkan daripada pusat serenti sebelum program itu dihentikan oleh PEMADAM.

"Kami mengatur jadual kerja mereka di sebelah siang dan pusat serenti terbabit menyediakan pengangkutan untuk mereka pergi dan balik bekerja," kata Ahmad Fuad.

Beliau berkata bekas penagih memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan biasa dan rakan-rakan serta majikan perlu melayan mereka dengan sabar.

"Saya harap PEMADAM menyambung semula program itu, tetapi saya percaya mereka mempunyai sebab-sebab tersendiri untuk berbuat demikian," katanya.

Bagaimanapun, "kami tidak bertanggungjawab jika ada pelatih yang mengambil kesempatan untuk melarikan diri ketika berulang-alik ke tempat kerja," katanya.

Selain itu, Ahmad Fuad berkata para pekerja juga digalakkan menyertai pelbagai kegiatan yang dianjurkan oleh syarikat seperti pameran, ceramah dan sesi kaunseling bagi mendedahkan mereka dengan gejala itu.

Ahmad Fuad juga berkata Harris akan turut menghantar anggota jawatankuasa keselamatan dan kesihatannya ke Persidangan Sektor Swasta Antarabangsa mengenai Dadah di Tempat Kerja dan Di Dalam Masyarakat Ketiga bagi kawasan Asia Pasifik yang akan berlangsung di sini dari 3 hingga 6 Okt ini.

Malaysia dipilih oleh Program Pengawalan Dadah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk menganjurkan persidangan itu. Dua persidangan sebelum ini diadakan di Sepanyol pada 1993 dan Brazil pada 1995.

Pada persidangan itu, kertas-kertas kerja mengenai pelbagai aspek gejala dadah di dalam masyarakat dan di tempat kerja akan dibentangkan.

Antara peserta yang akan membentangkan kertas kerja pada persidangan itu ialah naib presiden syarikat Genting Berhad Tun Haniff Omar, fellow kanan ISIS Tan Sri Ghazalie Shafie dan presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Zainal Rampak.

Peserta luar negara termasuklah Prof Dr Steve Allsop dari Australia, Ric Durrant dari UNDCP/ILO dan Javeed Naseer dari Pakistan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan persidangan empat hari itu yang akan disertai oleh syarikat-syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan daripada seluruh dunia. -- BERNAMA

WNZ MZ PR